KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

83/2026

SIARAN MEDIA

KUSKOP LANCAR BERKAT DEEPAVALI RM20 JUTA SASAR 1,000 USAHAWAN MASYARAKAT INDIA DENGAN PEMBIAYAAN SEHINGGA RM30,000

PULAU PINANG, 3 Oktober 2026 – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong, hari ini mengumumkan **BERKAT Deepavali**, skim pembiayaan khas berjumlah **RM20 juta** bagi membantu sekurang-kurangnya **1,000 usahawan masyarakat India** membuat persediaan perniagaan menjelang sambutan Deepavali pada 8 November 2026.

Skim pembiayaan khas ini akan dilaksanakan melalui TEKUN Nasional, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), dan menawarkan pembiayaan sehingga **RM30,000**, dengan kadar keuntungan **3 peratus setahun** serta tempoh pembiayaan sehingga **12 bulan**.

Ketika mengumumkan skim tersebut pada **Program MADANI Kita Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2026**, YB Steven Sim berkata, kemudahan itu penting khususnya kepada peniaga kecil yang memerlukan modal dalam tempoh singkat untuk menambah stok dan membuat persediaan menjelang musim perayaan.

“Deepavali ialah antara tempoh jualan paling penting bagi ramai peniaga India. Jika mereka memerlukan modal untuk menambah stok, kita mahu pembiayaan itu sampai ketika mereka benar-benar memerlukannya.

“Bagi peniaga kecil, masa amat penting. Sebab itu, kita bukan sahaja menyediakan dana RM20 juta, tetapi juga mahu memastikan proses pembiayaan lebih cepat,” kata YB Steven Sim.

Pembiayaan ini boleh digunakan sebagai **modal pusingan tambahan**, khususnya bagi peniaga dan penjaja kecil dalam sektor makanan dan minuman, pakaian serta penjualan peralatan dan kelengkapan menjelang Deepavali.

BERKAT Deepavali dibuka mulai 3 Oktober hingga 8 November 2026. Permohonan boleh dibuat menerusi **Sistem Permohonan TEKUN Online** atau di pejabat cawangan TEKUN cawangan di seluruh negara.

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
ukk@kuskop.gov.my

Skim ini terbuka kepada **warganegara Malaysia daripada masyarakat India yang berumur antara 18 hingga 65 tahun**. Usahawan TEKUN sedia ada juga boleh memohon, dengan syarat jumlah keseluruhan pembiayaan yang diterima tidak melebihi **RM100,000**.

Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional, Encik Mohamad Shiblie Abg Sapuan, berkata, TEKUN akan memberi tumpuan kepada proses permohonan yang mudah dan pantas supaya usahawan dapat menggunakan pembiayaan tersebut ketika benar-benar diperlukan.

“Matlamat kita adalah memastikan untuk usahawan yang layak tidak terlepas peluang berniaga kerana kekurangan modal pusingan. Pasukan TEKUN akan membantu memastikan proses permohonan berjalan dengan lancar.”

Sebelum ini, menerusi skim BARAKAT sempena Hari Raya Aidilfitri yang dilaksanakan dari Februari hingga Mac, TEKUN Nasional telah menyalurkan RM35 juta kepada 5,590 usahawan, melebihi peruntukan awal RM30 juta.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
3 OKTOBER 2026

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
ukk@kuskop.gov.my